

12p

UUM COLGIS KEKAL JUARA GOLF INTER-COLLEGE 2010

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 20 Oktober 2010 15:27

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Student

20 OKTOBER 2010 / 12 ZULKAEDAH 1431H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Samsudin Oli Mohamed

Gambar Ikhsan: Zubairi Yusop

UUM COLGIS KEKAL JUARA GOLF INTER-COLLEGE 2010



UUM ONLINE: Pasukan College of Law, Government and International Studies (UUM COLGIS) muncul juara kejohanan Golf Inter College 2010, Universiti Utara Malaysia (UUM) yang berlangsung di Kelab Golf UUM, Sabtu lalu.

Kapten pasukan Za'im Ahmad bersama Prof Madya Dr. Ahmad Martadha Mohamed, Ahmad Zaki Hasan, Dr. Abubakar Eby Hara dan Muslimin Wallang mengutip mata bagi pasukan mereka.

Manakala, tiga lagi rakan sepasukan yang turut bermain untuk UUM COLGIS ialah Prof Madya, Dr. Fo'ad Sakdan, Mohd Najib Mansor dan Rusdi Omar.

Mereka mengalahkan pasukan UUM CAS yang membariskan pemain handalan mereka terdiri daripada Ghazali Hamid sebagai Kapten, Tan Sri Dr. Nordin Kardi, Dr. Azman Yasin, Zainudin Omar dan empat lagi rakan yang lain iaitu Adan Omar, Prof Madya Azmi Shaari, Mohd Baharudin Othman dan Dr. Khairudin Kasiran.

Dalam pertandingan golf antara jabatan yang disertai oleh lima pasukan ini menyaksikan pasukan UUM CAS memenangi tempat kedua.

Manakala, ketiga dimenangi oleh UUM COB. Bagi kategori individu, Dr Abubakar Eby Hara dinobatkan sebagai pemain terbaik dengan bermain dua di atas par, manakala Naib Johan dimenangi oleh Ahmad Zaki Hasan dan Mohd. Asseri Abd Karim di tempat ketiga.

Habis.

=====

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3013/3661/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my